

Strategi tarik pelaburan asing perlu diubah — PM

18 AUG 2002

PULAU PINANG 27 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan perlu mengubah sedikit strategi negara dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan langsung asing berikutan terdapat persaingan yang sengit daripada negara lain.

Menurut beliau, butiran lanjut mengenai perubahan strategi itu akan diumumkan dalam Belanjawan Negara akan datang.

Katanya, kerajaan sedar bahawa sekarang ini persaingan untuk mendapat pelaburan asing langsung sangat sengit dan usaha perlu dilakukan un-

tuk mengenal pasti perkara-perkara yang perlu dibaiki.

“Mungkin kita tidak dapat menarik banyak pelaburan langsung asing dan dengan itu kita patut mengubah sedikit strategi kita.

“Kerajaan akan terus melihat dan mendengar pendapat pelabur luar serta dalam negara mengenai perkara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas berucap pada majlis makan tengah hari sempena meraikan sambutan ulang tahun ke-30 kewujudan industri elektronik di Pulau Pinang di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan memastikan ba-

hawa semua pelabur yang menyumbang ke arah peningkatan ekonomi negara diberi galakan secukupnya.

Beliau berpendapat, pelabur asing mempunyai kepercayaan penuh kepada Malaysia kerana negara ini amat stabil dari segi politik dan tiada perubahan yang tidak dijangka.

Katanya, keyakinan tersebut juga berdasarkan suasana politik Malaysia yang tidak radikal serta sikap kerajaan yang ‘mesra perniagaan’.

Menurut Perdana Menteri, disebabkan kedudukan Malaysia serta produk yang dieksport oleh negara ini dihantar ke negara-negara yang berhampiran deng-

an negara yang juga menjadi pusat industri, kerajaan akan mencari jalan untuk berhadapan dengan mereka yang menjadi pesaing.

Kata beliau, untuk bersaing dengan negara-negara tersebut, keberkesanan serta kecekapan dalam mengendalikan sektor elektronik perlu diambil kira.

Menyentuh bidang teknologi maklumat di negara ini, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak jauh ketinggalan berbanding negara lain malah negara ini diakui menjadi perintis dalam sesetengah bidang teknologi di dunia seperti penciptaan kad pelbagai guna iaitu Mykad.

Menurutnya, pencapaian ter-

sebut amat membanggakan bagi sebuah negara yang sedang membangun memandangkan Malaysia masih kekurangan tenaga pakar serta memerlukan sedikit lagi masa untuk maju dalam bidang teknologi maklumat.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Malaysia berjaya menarik banyak negara maju untuk datang mempelajari teknologi membuat Mykad serta cara menggunakannya.

Malah kata beliau, teknologi ciptaan rakyat negara ini telah diterima di seluruh dunia apabila sistem pemeriksaan pasport Malaysia telah digunapakai di Los Angeles, Amerika Syarikat (AS).